

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [KULAI]

TARIKH : 23 NOVEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

PUAN TEO NIE CHING [KULAI] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan status terkini laporan CRC memandangkan Kerajaan masih belum menyerahkan laporan CRC semenjak 2007.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Penyediaan Laporan Negara Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak atau *Convention on the Rights of the Child* (CRC) melibatkan hak kanak-kanak secara menyeluruh, dan merangkumi pelbagai perkara yang perlu diambil kira seperti:

- (i) Garis Panduan Khusus Konvensyen (*Treaty-specific guidelines*) berhubung format dan kandungan laporan;
- (ii) *Concluding Observations* yang diterima Malaysia pada tahun 2007; dan
- (iii) *General Comments* berhubung hak kanak-kanak yang dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa CRC.

Dalam penyediaan draf laporan ini, libat urus dan ulasan bukan hanya daripada KPWKM tetapi juga daripada pelbagai Kementerian dan Agensi lain, dan ini melibatkan masa untuk mendapatkan maklum balas.

Draf Laporan Negara Kedua hingga Kelima CRC telah pun dimuktamadkan pada bulan Mei 2020 dan kini telah selesai disemak oleh Penasihat Undang-Undang Kementerian.

Selanjutnya draf laporan ini telah dikemukakan kepada pihak Jabatan Peguam Negara untuk semakan sebelum ia dibentangkan untuk persetujuan Jemaah Menteri. Laporan yang diluluskan Kerajaan ini akan dikemukakan kepada Jawatankuasa CRC, yang dijangka pada awal tahun 2021.